



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

22 OGOS 2021 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

22 OGOS 2021 (AHAD)

KPDNHEP keluarkan 839 kompaun RM4.5 juta

BATU KAWAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan 839 kompaun kesalahan pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) membabitkan nilai RM4.5 juta dalam pemeriksaan di seluruh negara sejak 13 Mei lepas.

Ketua Setiausaha, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, tindakan kompaun diambil dalam pemeriksaan penguatuasa KPDNHEP di 732,893 premis di seluruh ne-

gara sehingga semalam.

"Saya ingin tekankan bahawa mengeluarkan kompaun bukanlah keutamaan KPDNHEP.

"Ia tindakan terakhir selepas advokasi yang diberikan terlebih dahulu tidak dipatuhi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pemantauan dan pemeriksaan premis perniagaan di Design Village pada Sabtu.

Beliau berkata, sepanjang tempoh sama, pihaknya turut memberi amaran dan nasihat kepada pemilik 8,410 premis perniagaan supaya sentiasa mematuhi SOP

yang ditetapkan semasa pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Menurutnya secara dasar, rata-rata peniaga di negara ini amat mematuhi SOP norma baru yang ditetapkan dengan kadar pematuhan sehingga 98.7 peratus.

Bagaimanapun, Hasnol Zam Zam mengakui terdapat lebih satu peratus golongan yang masih berdegil dan culas dalam mematuhi SOP itu walaupun telah berkali-kali dinasihatkan.

Pantau penjualan alat oksimeter nadi palsu

GEORGE TOWN — Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa menyelesaikan keraguan dalam kalangan pengguna mengenai harga dan kualiti produk oksimeter nadi yang semakin popular di pasaran.

Pegawai Pendidikan CAP, N. V. Subbarow berkata, pihaknya mendapati produk itu bebas dijual secara online dan di banyak tempat tanpa sekatan oleh mereka yang tidak mengetahui apa-apa mengenai perubatan dan tidak berkelayakan.

Menurut beliau, situasi itu adalah risiko yang besar kepada pengguna dan banyak masalah boleh timbul akibat membeli barang berkaitan perubatan dari kedai yang tidak diiktiraf.

"Kami menasihatkan pengguna membeli alat pemeriksaan diri ini dengan cadangan doktor yang menjualnya dengan betul di farmasi.

"Dengan membeli melalui dalam talian dan daripada orang yang tidak berpengalaman, alat palsu lebih cenderung dijual dan harganya mungkin lebih tinggi," katanya kepada pemberita semalam.

Jelas beliau, instrumen itu adalah alat elektronik yang mengukur oksigen dan nadi pengguna dan jika jumlah yang ditunjukkan salah disebabkan produk dibeli palsu ia boleh membahayakan nyawa.



OKSIMETER nadi digunakan untuk mengukur kadar oksigen dalam darah. — AFP

Sehubungan itu, tambah beliau, sekiranya pengguna mahu mendapatkan alat tersebut adalah lebih baik membelinya di farmasi atau di kedai ubat terdekat.

"Pengguna boleh mendapatkan penerangan tentang cara mengendalikannya di kedai perubatan tersebut dan boleh mengetahui mengenainya dengan bertanya kepada ejen jualan," katanya.

Dalam masa sama, beliau menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengawal harga alat ujian kendiri itu memandangkan setiap kedai menjual peranti dengan harga yang berbeza.

HARI :
TARIKH :
M/SURAT :

AHAD
22/08/2021
14

Ayam	RM6.90	Telur Gred A	RM12.45	Cili Pasir	RM2.85	Cili Merah	RM9.90
Daging Lembut Tempatan	RM3.5	Ikan Kembung	RM15.90	Bawang Besar Holland	RM2.80	Kubis Bulat Tempatan	RM3.49
Daging Lembu Import	RM2.5	Minyak Masak	RM6.50	Bawang Putih	RM6.90	Tepung Gandum	RM2.25

Senarai Harga Barang Keperluan

